

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE 31 PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

TEMPAT: MENARA PGRM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 05 OCT 2002

MASA:

Terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) atas undangannya untuk saya berucap serta merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Malaysia yang ke-31 pada hari ini.

2. Negara kita Malaysia telah banyak berubah sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Sepanjang 45 tahun dari selepas kita bebas daripada belunggu penjajahan asing, negara kita begitu pesat membangun. Bandar-bandar kecil bertukar menjadi bandar besar dan seterusnya menjadi bandaraya. Kampung-kampung yang tersorok menjadi pekan kecil dan mudah dikunjungi. Bekalan eletrik dan air bersih dibekalkan ke seluruh negara.

3. Jalan-jalan kampung yang dulu berlopak, becak di waktu hujan dan berdebu di waktu panas kini menjadi jalan besar dan bertar dan kemudian menjadi lebuhraya. Rumah beratap rumbia, berdinding buluh dan berlantai papan bertukar menjadi rumah batu berlantai simen dan ada berlantaikan marmar. Sekarang di bandar-bandar besar tersergam rumah-rumah pangsa, kondominium dan taman-taman perumahan yang bersih, tersusun dan serba lengkap. Di bandar juga pelbagai kemudahan disediakan bagi meningkatkan kualiti kehidupan di bandar. Terdapat bangunan-bangunan perniagaan dan pejabat yang tinggi bertingkat dan pencakar langit, kompleks membeli-belah serta taman-taman hijau yang nyaman dan cantik.

4. Anak-anak kita yang dulu berkaki ayam sudah berkasut dan menaiki bas, motosikal, basikal atau kereta ke sekolah. Kalau dulu anak kita belajar setakat sekolah rendah dan menjadi kerani atau guru kini berpuluh-puluh ribu belajar di universiti hingga tidak cukup tempat untuk menampung anak-anak kita yang semakin pintar dan bercita-cita tinggi. Klinik dan hospital yang dulu kecil dan sempit kini bertambah besar dan selesa serta dilengkapi pula alat kelengkapan moden dan canggih serta doktor-doktor tempatan yang terlatih dan pakar.

5. Dulu masyarakat kita hidup berasingan mengikut

kaum, tempat dan pekerjaan. Orang Melayu tinggal di kampung menjaga sawah padi dan berkebun. Orang Cina menetap di bandar-bandar mengurus perniagaan dan menjaga lombong bijih timah, dan yang tinggal di pinggir bandar menanam buah dan sayuran untuk jualan. Orang India pula duduk di ladang-ladang yang jauh tersorok untuk menoreh getah serta menternak lembu untuk mendapatkan susu untuk dijual sebagai mata pencarian.

6. Kini setiap kaum tidak begitu lagi nasib mereka. Mereka tinggal selesa di merata-rata tempat di seluruh pelusuk negara. Setiap kaum kini maju dan mempunyai kepandaian dan kemampuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Setiap kaum sudah berkebolehan menceburi bidang-bidang yang dulunya dikuasai oleh kaum lain seperti perniagaan, pembinaan, perkilangan, perladangan, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya.

7. Semua kemajuan ini dicapai hasil daripada pemerintahan yang cekap dan bijaksana Kerajaan Barisan Nasional yang dulunya dikenali sebagai Parti Perikatan. Melalui perancangan yang rapi serta strategi pembangunan yang berwawasan, rakyat dan negara ini dapat dibangun dan dimajukan dengan pesat, tersusun dan menyeluruh. Kerajaan telah mengadakan pelbagai pelan pembangunan seperti rancangan Malaysia lima tahun, 10 tahun, 20 tahun seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara serta 30 tahun iaitu Wawasan 2020 untuk membina rakyat dan memakmurkan negara. Ternyata usaha Kerajaan itu tidak sia-sia kerana rancangan-rancangan pembangunan yang dilancarkan itu setakat ini telah mendatangkan hasil seperti apa yang dirancangkan dan dilihat hari ini di sekeliling kita.

8. Kejayaan ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf kedudukan sosio-ekonomi mereka. Ternyata usaha murni ini mendatangkan hasil yang sungguh membanggakan seperti yang dapat dilihat pada tahap kemajuan yang dicapai oleh setiap kaum di negara kita. Kejayaan ini dengan sendirinya menafikan tuduhan atau tohmahan pelbagai pihak terutama parti-parti pembangkang serta puak-puak ekstremis kaum atau agama bahawa Kerajaan Barisan Nasional suka menganiayai rakyat dengan rancangan pembangunan atau dasar-dasarnya yang kononnya menyusah atau membebankan rakyat. Kerajaan kita sering dituduh melakukan diskriminasi kaum, budaya dan agama. Tuduhan-tuduhan ini bukan sahaja dilemparkan oleh orang tempatan malah juga oleh orang asing yang tidak senang dengan kemajuan rakyat dan negara kita.

9. Selain faktor tadi, kejayaan program pembangunan Kerajaan selama ini juga adalah berpunca daripada semangat toleransi, kerjasama dan perpaduan erat semua parti komponen dalam Barisan Nasional. Parti-parti komponen sentiasa memberi sokongan bulat kepada apa

sahaja dasar atau tindakan yang diputuskan oleh Kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Sokongan bulat ini penting kerana ia menjamin kelancaran dan kemajuan sesuatu perancangan atau tindakan Kerajaan. Apabila parti-parti komponen memberi sokongan, anggota-anggota mereka dalam parti dan masyarakat akan bertindak memastikan setiap usaha Kerajaan mencapai kemajuan dan kejayaan.

10. Oleh sebab itu, persefahaman antara parti-parti komponen amat penting dan harus terus dipelihara. Parti-parti komponen Barisan Nasional juga harus memahami hasrat sebenar Kerajaan yang tersurat dan yang tersirat apabila ia melaksanakan apa-apa rancangan. Dengan itu, sebarang usaha Kerajaan untuk kepentingan dan faedah rakyat dapat dilakukan dengan mudah dan lancar tanpa apa-apa halangan atau gangguan.

11. Parti-parti komponen Barisan Nasional juga tahu batasan mereka apabila membuat tuntutan bagi pihak anggota mereka. Ini dapat mengelakkan ikatan Barisan Nasional menjadi lemah akibat mana-mana parti komponen yang membuat tuntutan atau mengambil tindakan melampau. Kita harus ingat majoriti parti-parti komponen Barisan Nasional adalah perkauman iaitu mereka mewakili satu kaum sahaja. Parti-parti komponen yang membuka keahliannya kepada semua kaum juga didapati mirip kepada kaum tertentu kerana majoriti anggotanya terdiri daripada satu kaum termasuklah Parti Gerakan.

12. Bagaimanapun, walau parti-parti komponen ini bersifat perkauman, tindakan mereka selama ini menjurus kepada kepentingan rakyat jelata dan kemajuan negara. Sebab itu, segala keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional mempunyai konsensus atau persetujuan sebulat suara oleh semua parti komponen. Dengan sokongan itu, sebarang keputusan atau tindakan Kerajaan itu adalah kukuh atau mantap. Kerajaan yakin dengan tindakannya kerana berdiri di belakangnya ialah parti-parti komponen yang memberi sokongan padu.

13. Kita juga harus ingat bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional bukan keputusan satu-satu parti komponen. Adalah tidak benar jika ada dakwaan yang menuduh hanya satu parti komponen sahaja yang membuat keputusan dan yang lain mengikut telunjuk atau mengangguk sahaja. Sebenarnya dalam Kerajaan dan Barisan Nasional, sebarang perkara yang dibangkitkan oleh sebuah parti komponen akan dibincang dengan terperinci terlebih dahulu. Ia akan dikupas satu demi satu. Ia akan dibincang habis-habisan dari semua sudut termasuk kesannya terhadap kaum berkenaan, rakyat, negara. Masa inilah parti-parti komponen akan 'bertengkar' antara mereka hinggalah satu keputusan yang muktamad dicapai dengan sebulat suara.

14. Begitulah juga kedudukannya dalam Mesyuarat Kabinet

setiap Rabu. Kabinet Kerajaan diwakili oleh Menteri daripada hampir setiap parti komponen. Suasana perbincangannya juga seperti mesyuarat Barisan Nasional. Kata putus akan dicapai apabila semua menteri kabinet bersetuju.

15. Oleh itu, mana-mana parti komponen Barisan Nasional tidak harus takut atau gentar dengan sebarang keputusan atau tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Mereka tidak perlu berasa bahawa mereka sahaja bertanggungjawab ke atas keputusan Kerajaan. Dan mereka tidak perlu bimbang atas tuduhan atau bantahan yang dilemparkan oleh rakyat atau khususnya daripada masyarakat kaum mereka atas sebarang tindakan Kerajaan.

16. Parti-parti komponen Barisan Nasional tanpa mengira jumlah keanggotaannya tidak harus berasa kecil diri dan sebaliknya harus berdiri gagah sebagai anggota Barisan Nasional. Jika parti komponen bertindak sendirian maka parti itu akan berasa kecil diri dan tertekan apabila pihak lain termasuk rakan komponennya mengecam tindakannya. Kita harus ingat apabila tindakan diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional, kita sebenarnya mewakili Barisan Nasional dan bukannya diri kita.

17. Justeru itu, parti-parti komponen tidak perlu berasa terkejut apabila mereka diugut oleh sesetengah pihak termasuk puak-puak ekstremis kaum atau agama. Mereka harus berani menghadapi puak ekstremis ini secara berdepan. Mereka tidak perlu berasa takut kehilangan populariti atau pengaruh daripada masyarakat atau kaum mereka kerana berdiri teguh di belakang mereka ialah Barisan Nasional yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk menjaga hal-ehwal kehidupan mereka. Kita perlu yakin terhadap segala keputusan dan tindakan yang diambil Kerajaan kerana ia untuk kesejahteraan rakyat dan negara di masa depan.

18. Parti-parti komponen Barisan Nasional harus sedar bahawa puak-puak ekstremis ini adalah hanya segelintir daripada masyarakat kita. Mereka tidak mempunyai sokongan ramai atau padu daripada masyarakat. Kita juga tahu bahawa umumnya masyarakat kita tidak suka kepada kekerasan atau perbuatan melampau oleh mana-mana pihak.

19. Justeru itu, parti-parti komponen tidak perlu khuatir atau bimbang jika mereka diugut atau diberi kata dua oleh puak-puak ekstremis ini. Puak ekstremis ini sebenarnya, golongan fanatik kaum atau agama yang telah melampau dan sesat. Oleh itu, parti-parti komponen tidak perlu lagi berasa tertekan akan takut kehilangan pengaruh apabila diancam atau didesak bertubi-tubi oleh puak ekstremis ini.

20. Puak-puak ekstremis ini sebenarnya amat berbahaya kepada masyarakat kita yang berbilang kaum. Jika mereka tidak ditentang kemungkinan mereka mencetuskan huru-hara

kaum atau agama di negara kita kerana memperjuangkan fahaman mereka tidak boleh ditolak. Puak-puak ini sebenarnya mempunyai pandangan yang singkat dan pemikiran yang sempit.

21. Justeru itu, saya menyeru semua parti komponen Barisan Nasional supaya bertindak lebih berani dan sentiasa bersatu dalam memperjuangkan matlamat dan cita-cita Barisan Nasional untuk melahirkan masyarakat yang satu hati dan hidup dalam keadaan aman sejahtera, selamat, maju dan makmur. Barisan Nasional telah memperjuangkan wawasannya bahawa masa depan negara terletak kepada toleransi, keharmonian dan rasa saling hormat menghormati di kalangan rakyatnya yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama.

22. Barisan Nasional sebenarnya telah berjaya mengekalkan pengaruh dan kewibawaannya sebagai sebuah parti perikatan yang berjaya merintis dan membawa rakyat majmuknya membangun dalam sebuah negara yang demokratik dan adil.

23. Akhirnya, kita harus bersedia menghadapi cabaran dan ujian getir pada masa depan sebagai sebuah parti yang memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara. Cabaran masa depan yang kita akan hadapi ialah tekanan ekstremisme kaum dan agama, kefanatikan berpolitik dan chauvinisme kaum dalam setiap kelompok masyarakat kita.

24. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan ke 31 Parti Gerakan Rakyat Malaysia.